

**MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

03/04/2014

TAMAN PAMERAN PERTANIAN MALAYSIA SERDANG, SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berhimpun pada hari ini untuk bersama-sama dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2013. Terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama berusaha bagi memastikan majlis yang penuh bermakna ini dapat diadakan dengan jayanya.

2. Saya difahamkan bahawa seramai 559 orang warga Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat ibu pejabat telah terpilih untuk menerima penghargaan pada hari ini di atas kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2013. Syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2013 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang terbaik sehingga terpilih pada tahun ini.

3. Harapan saya agar kesemua penerima anugerah ini akan terus mengekalkan momentum kecemerlangan dan memotivasikan warga KPM yang lain ke arah transformasi perkhidmatan awam secara amnya dan seterusnya, secara lebih khusus, untuk menyepadukan gerak kerja demi mencapai transformasi sistem pendidikan dengan lebih cepat.

4. Saya ingin mengulangi harapan rakyat yang melihat bahawa Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang sangat besar ke arah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru, usaha KPM untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia giat dilaksanakan melalui pelbagai program transformasi. Transformasi pendidikan secara holistik yang dilaksanakan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 bermula seawal pendidikan prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat, diyakini mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berkualiti bukan sahaja untuk negara kita malahan

pasaran dunia.

5. Kita telahpun melalui tempoh setahun pelaksanaan PPPM 2013-2025 yang penuh liku dan cabaran dengan iltizam yang jitu untuk terus maju ke hadapan. Penggabungan dua kementerian terbesar dalam perkhidmatan awam iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, merupakan langkah berani kerajaan untuk menyelaraskan usaha memartabatkan sistem pendidikan negara ke peringkat yang lebih tinggi. Penggabungan ini memberi peluang kepada pihak Kementerian untuk menjajar semula peranan dan tanggungjawab bersama, berkongsi sumber kepakaran dan berkongsi pengalaman dalam memantapkan sektor pendidikan negara.

6. Oleh itu, saya menyeru agar semua warga KPM di segenap lapisan supaya bersama-sama berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bagi menjayakan agenda pendidikan negara bagi melahirkan modal insan berkualiti yang bakal mewarisi kesejahteraan dan kemajuan negara. Pelbagai pelan tindakan dan langkah telah dirancang dan disusun bagi memastikan visi dan aspirasi PPPM dan PSPTN dapat direalisasikan.

7. Segala cabaran dan halangan perlu kita tangani dengan bijaksana, kerana untuk melakukan perubahan keazaman yang amat tinggi diperlukan demi menyempurnakan tanggungjawab yang telah diamanahkan ini. Namun, saya yakin dengan iltizam yang utuh, kerjasama padu semua pihak dan niat yang ikhlas, Insyaa-Allah usaha kita akan diberkati dan aspirasi yang dihasratkan akan tercapai.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

8. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka tirai tahun 2014 dengan mengumumkan 11 langkah-langkah perbelanjaan berhemat oleh sektor awam yang telah mendapat reaksi positif daripada pelbagai pihak. Ini merupakan komitmen Kerajaan dalam memastikan segala wang awam yang dibelanjakan adalah berpatutan, menepati konsep 'value for money' dan memberikan manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Reaksi positif itu seterusnya diterjemahkan melalui kerjasama setiap penjawat awam yang secara langsung atau tidak, terlibat dalam pengurusan perbelanjaan kerajaan, selaras dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'. Saya percaya langkah ini juga mampu mendisiplinkan penjawat awam dan mencorakkan 'mind-set' ke arah pengurusan sumber kewangan yang lebih cekap dan berkesan.

9. Dalam usaha penambahbaikan sektor perkhidmatan awam, semasa sesi pembentangan Bajet 2014, Kerajaan juga telah mengumumkan langkah penambahbaikan 81 skim perkhidmatan bagi memantapkan kerjaya penjawat awam yang turut merangkumi: (i) Kenaikan taraf skim perkhidmatan berikutan penetapan kelayakan masuk minimum kepada

peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dengan penambahbaikan tersebut, skim-skim perkhidmatan di gred gaji 1 hingga 10 dinaik taraf kepada gred gaji 11; (ii) Penggabungan skim perkhidmatan dengan tujuan mengembangkan pelbagai kepakaran / kemahiran, penambahbaikan peluang kerjaya dan mobiliti pegawai. Melalui proses ini, 19 skim perkhidmatan telah digabungkan kepada 7 skim perkhidmatan; dan (iii) Mewujudkan skim perkhidmatan bersepadu dengan tujuan menambahbaik peluang kemajuan kerjaya berasaskan kesinambungan perkhidmatan yang melibatkan 9 skim perkhidmatan kepada 5 skim perkhidmatan.

10. Penambahbaikan ini merupakan sebahagian daripada transformasi yang akan membantu Malaysia memasuki kelompok negara maju dan bersaing di era Bakat Terbuka (Open Talent). Oleh itu, penekanan perlu diberikan untuk melahirkan pegawai yang mempunyai pelbagai kemahiran atau multi-skills. Justeru, pengurusan bakat perlu dilihat dan diteliti menerusi perspektif yang berbeza serta kemampuan untuk menyumbang kepada keberhasilan yang negara perlukan. Kita bukan sahaja perlu sentiasa mengasah, bahkan mempelbagaikan bakat dan kebolehan seiring dengan Transformasi Perkhidmatan Awam. Kini sektor awam perlu menjadi lebih dinamik, fleksibel dan pantas dalam memenuhi perubahan senario global.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

11. Saya menaruh kepercayaan yang tinggi bahawa warga KPM akan dapat meneruskan usaha merealisasikan transformasi perkhidmatan awam dan pendidikan negara dalam memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Saya juga percaya transformasi pendidikan yang sedang dijalankan akan mampu melahirkan generasi baharu yang memiliki minda kelas pertama dan berupaya memacu kemajuan negara serta menguasai kepakaran teknologi dan tanpa mengabaikan nilai-nilai murni.

12. Akhirnya, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua 559 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 peringkat ibu pejabat yang diraikan pada hari ini. Saya juga dimaklumkan bahawa kita mempunyai tiga (3) orang penerima istimewa pada hari ini iaitu: (i) Encik Mohd Firdaus bin Hasan (Bahagian Pendidikan Khas)- OKU Pekak Bisu; (ii) Encik Mohd Tarmizi bin Mohd Daud (Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset)- OKU Tangan; dan (iii) Puan Norijah binti Ahmad (Balu kepada Allahyarham Encik Samsudin bin Yatim, Bahagian Kewangan) – yang kembali ke Rahmatullah pada 10 Mac 2014.

13. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada ketiga-tiga penerima ini. Saya percaya dan yakin bahawa walaupun mereka mempunyai ketidakupayaan dari segi fizikal, saya percaya setiap OKU mempunyai potensi tersendiri yang boleh dibangun dan digilapkan. Saya juga mendoakan agar keluarga Puan Norijah binti Ahmad agar sentiasa sabar menghadapi ujian Allah dan meneruskan gagasan kecemerlangan yang ditinggalkan

oleh Allahyarham Encik Samsudin bin Hasan.

14. Terima kasih kepada semua warga Kementerian yang telah memberikan komitmen kerja yang tinggi dalam mempertingkatkan prestasi Kementerian ini. Sekalung tahniah dan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah menjayakan pelaksanaan majlis pada pagi ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.